

# Bengkel Penyediaan Dokumen MQA Pascasiswazah SSMP 2012

Mohd Rosni Sulaiman, Ahmad Riduan Bahauddin

Pascasiswazah SSMP telah mengadakan bengkel penyediaan dokumen *Malaysian Qualifications Agencies* (MQA) pada 23 dan 24 Jun 2012 bertempat di Hotel Promenade, Kota Kinabalu. Bengkel ini dianjurkan selaras dengan keperluan dan kehendak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) secara amnya dan pihak universiti secara khususnya bagi memastikan semua program yang ditawarkan selari dengan kehendak pasaran dalam negara mahupun antarabangsa. 4 program pascasiswazah iaitu sarjana sains makanan, sarjana teknologi makan, sarjana pemakanan dan sarjana perkhidmatan makanan menjadi fokus dalam penyediaan dokumen MQA pada kali ini. Kesemua program adalah secara penyelidikan.

Bengkel ini dihadiri oleh semua kakitangan akademik SSMP, penolong pendaftar, pegawai sains dan beberapa staf sokongan. Kesemua yang hadir telah dibahagikan kepada 9 kumpulan berdasarkan sub-bidang yang

terdapat dalam dokumen MQA:-

- Visi, Misi, Sasaran pengajaran dan Hasil Pembelajaran
- Rekabentuk dan Penyampaian Program
- Penilaian Pelajar
- Pemilihan Pelajar dan Perkhidmatan Sokongan
- Staf Akademik
- Sumber Penyelidikan
- Semakan dan Pemantauan Program
- Kepimpinan, Pentadbiran dan Governan
- Peningkatan Kualiti Berterusan

Setiap kumpulan telah diperuntukkan masa selama 3 bulan sebelum bengkel bagi memastikan aktiviti penyediaan dokumen MQA Pascasiswazah berjalan lancar.. Jesteru, bengkel yang dianjurkan ini lebih berbentuk perbincangan dan penambahbaikan dokumen yang disediakan. Program dimulakan pada jam 9 pagi oleh ucapan alu-aluan Dekan SSMP dan disusuli oleh pembentangan dokumen oleh setiap kumpulan. Perbincangan dan pemurnian dilakukan selepas setiap pembentangan sub-bidang selesai dilakukan. Bengkel berakhir pada jam 5 petang pada hari pertama dan 5.30 petang pada hari kedua.

Hasil daripada bengkel ini, masih terdapat beberapa pembetulan dan penambahbaikan yang perlu dilakukan sebelum dokumen disemak oleh Pusat Pengajian Pascasiswazah dan seterusnya pihak MQA. Akhirnya, dokumen ini telah berjaya ditambahbaik dan telah berjaya dihantar ke Pusat Pengajian Pascasiswazah, UMS pada 28 Ogos 2012 untuk semakan pertama sebelum dihantar ke pihak MQA untuk diaudit pada bulan Oktober 2012.

